



TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL 1/2017/2018
TARIKH: 30 OGOS 2018 (KHAMIS) BIL: 12 2017/2018

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.0	ALUAN Pengerusi Sekolah Pengajian Siswazah		
	1.1 Tarikh Akhir Hantar Tesis Pengerusi memaklumkan bahawa 30 Ogos 2018 merupakan hari terakhir untuk pelajar menghantar tesis. Beliau memohon semua fakulti supaya membenarkan perlaksanaan waktu kerja anjal kepada staf yang bertugas di kaunter dan masa dilanjutkan sehingga jam 5.00 petang pada hari tersebut. Beliau juga mengingatkan semua fakulti agar meminta pelajar mengemukakan <i>dummy</i> tesis, sekiranya pelajar memaklumkan tesis telah dihantar untuk dicetak. Sekiranya dalam masa seminggu pelajar tidak mengemukakan tesis yang sebenar, fakulti berhak menggunakan <i>dummy</i> tesis yang dihantar sebagai tesis rasmi pelajar dan penilaian tesis adalah berdasarkan kepada <i>dummy</i> tersebut. Kelonggaran ini diberi kepada pelajar terutamanya yang telah melebihi tarikh yang ditetapkan.	Tindakan : Semua Fakulti	
	1.3 Sasaran Graduan Fakulti 1.3.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Mesyuarat JKTS akan diadakan pada	Tindakan : Semua Fakulti	

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	4 September 2018 ini dan jika ada fakulti menerima “<i>hard cover</i>” tesis pelajar pada hari yang sama, fakulti dikehendaki membawa tesis tersebut ke mesyuarat JKTS untuk pertimbangan dan pengesahan seterusnya. 1.3.2 Fakulti diingatkan untuk tidak menghantar lewat dokumen JKTS ke pihak urusetia dan dokumen yang dimajukan perlu lengkap bagi mengelakkan sebarang kesilapan semasa proses penyediaannya atau pembentangan kelak. 1.3.3 Bagi meningkatkan bilangan graduan, semua senarai graduan dan dokumennya perlu dihantar ke urusetia sebelum JKTS bulan Oktober 2018 ini.		
	1.5 TENTATIVE MESYUARAT JKPS/JKAF Berikut adalah senarai mesyuarat JKPS/JKAF di peringkat fakulti/sekolah yang dipersetujui bagi tujuan melaksanakan beberapa fungsi JAPSU di JKPS/JKAF : FABU –JKPS FTIR – JKAF AHIBS – JKAF MJIIT – JKA MAC FAK KEJ – JKAF FS – JKA FSSK - JKA	Tindakan : Semua	

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	Pengerusi memaklumkan bahawa setiap mesyuarat berkenaan akan dihadiri juga oleh wakil dari SPS. Peralihan beberapa fungsi/peranan JAPSU ke JKA fakulti akan dilaksanakan pada bulan Oktober 2018 bermula dengan Fakulti Kejuruteraan.		
	1.6 Bengkel Kemaskini Data Pelajar Sistem Pengurusan VIVA Pengerusi memaklumkan bahawa pihak SPS akan mengadakan Bengkel Kemaskini Data Sistem VIVA dalam masa terdekat. Bengkel tersebut akan melibatkan penyertaan staf N19 yang menguruskan pasca siswazah. Bengkel ini bertujuan untuk membantu fakulti menggunakan dan mengemaskini Sistem Pengurusan Viva selengkapnya. Sistem ini akan digunakan oleh fakulti untuk data dan informasi semasa sesi pembentangan di Mesyuarat JKTS (P&P). Sehubungan ini semua ahli mesyuarat diminta memberi kerjasama untuk menghantar staf berkaitan bagi mengikuti bengkel tersebut.	Tindakan : Semua Fakulti	
	1.8 Tarikh Pendaftaran Kursus Semester 1 2018/2019 Pengerusi memaklumkan bahawa jadual pendaftaran/peperiksaan/ pengijazahan telah diemel pada 24 Julai 2018. Ianya juga boleh dicapai melalui portal MyUTM (<i>Academic</i>) dan laman web AMD. Penawaran kursus telah bermula pada 12 Ogos 2018. Peringatan dari pihak AMD meminta agar fakulti tidak silap dalam membuka	Tindakan : Semua Fakulti	

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	penawaran kursus kepada pelajar. Bagi pelajar program generik yang telah dipindahkan ke fakulti, mereka juga boleh ditawarkan kursus seperti di dalam sistem AIMS.		
	1.9 Pertukaran Program Pengajian Pelajar yang ingin menukar program pengajian hendaklah memohon ke SPS dan perlu mendapat persetujuan fakulti program yang dipohon tertakluk kepada kelulusan universiti. Pertukaran program pengajian dibenarkan dengan syarat sekurang-kurangnya pelajar telah berada selama 1 semester pengajian dan boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian. SRAD dimohon mengambil maklum mengenai perkara ini sebelum pelajar mendaftar dahulu program yang ditawarkan bagi mengelakkan pelajar terperangkap selama 1 semester untuk menukar program lain. Seharusnya pelajar dibenarkan menukar program semasa hadir untuk mendaftar atau sebelum mendaftar setelah SRAD mengambil kira beberapa perkara/syarat-syarat asas tawaran untuk program yang baharu tersebut.	Tindakan : SRAD/ Semua Fakulti	

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	1.10 Biasiswa Zamalah/IDF/NPF Pengerusi memaklumkan bahawa biasiswaza UTM Zamalah akan dibuka permohonan pada 5 hingga 18 September 2018. Walau bagaimanapun, biasiswa tersebut tidak akan dibuka kepada pelajar sarjana dan hanya dibuka untuk pelajar PhD sehingga semester 2 pengajian. Biasiswa IDF dibuka hanya untuk pelajar PhD dan masih mengekalkan pengecualian yuran sebanyak RM3000 bagi semester semasa sahaja. Manakala biasiswa NPF dibuka hanya untuk pelajar tempatan sarjana dan PhD dengan jumlah pengecualian yuran sebanyak RM1000 hanya untuk 1 semester sahaja. Ini kerana bantuan yang lain akan diagihkan kepada pelajar lain yang memerlukan biasiswa.	Tindakan : Semua	
12.0	HAL-HAL LAIN 12.1 Jadual Pesisir Pengerusi memaklumkan kepada semua fakulti agar menghantar jadual kelas program pesisir selewat-lewatnya pada hari Isnin (3 September 2018). Sekiranya sehingga tarikh berkenaan pihak urusetia program pesisir tidak menerima jadual berkenaan, fakulti tersebut tidak lagi akan diberikan agihan pada tahun ini.	Tindakan : Semua Fakulti	

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	12.4 Pesisir Timbalan Pengerusi (Program Khas & Pesisir) SPS memaklumkan akan melantik Jawatankuasa Pesisir dan meminta Pengarah yang akan menghadiri Jawatankuasa Pesisir bagi perbincangan program pesisir.	Tindakan: Timbalan Pengerusi PPK, SPS	
	12.5 Pelajar Mendapat Keputusan TT Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar memaklumkan bahawa terdapat kes pelajar kerja kursus yang menduduki peperiksaan khas dan dalam tempoh yang sama dia telah mendaftar semester pendek. Setelah keputusan diperolehi didapati keputusan peperiksaan khasnya adalah KG manakala keputusan semester pendeknya pula adalah lulus. Pengerusi memaklumkan bahawa sekiranya pelajar berstatus TS sepatutnya tidak mempunyai keputusan pada semester yang lepas dan tidak boleh mendaftar pada semester pendek. Sistem perlu menyekat pendaftaran pelajar dalam kes/situasi begini. Perkara ini perlu diberi perhatian dan tindakan oleh pihak sistem/pihak CICT Dimaklumkan juga bahawa pelajar yang mendapat KG boleh merayu mendapatkan keputusan KB dan tempoh rayuan adalah 2 minggu selepas dibentangkan di mesyuarat SENAT.	Tindakan : Fakulti Kejuruteraan/ CICT	